

05 DEC 1996

Mahathir-Tiba

MAHATHIR TIBA DI MADINAH UNTUK LAWATAN RASMI

Oleh: Zulkefli Salleh

MADINAH, 5 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan empat hari ke Arab Saudi.

Beliau disambut Gabenor Madinah Putera Abdul Majeed Abdul Aziz sebaik tiba di Lapangan terbang Putera Mohammed Abdul Aziz dengan sebuah pesawat khas.

Turut hadir menyambut ketibaan beliau ialah Menteri pengiring Dr Osama Ibn Jaafar Fageeh yang juga Menteri Perdagangan dan Duta ke Malaysia Mohammad Hassan Abdul Wali.

Dr Mahathir diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, beberapa menteri dan ahli perniagaan.

Perdana Menteri kemudian bersembahyang Maghrib and Isyak di Masjid Al-Nabawi, tidak jauh dari hotel penginapannya.

Dr Mahathir dijadual diraikan pada satu majlis jamuan malam oleh Putera Abdul Majeed di Istana Gabenor.

Beliau juga dijadual melawat makam Nabi Muhammad SAW dan para sahabat, Khalifah Abu Bakar As Sideeq dan Omar Al-Khattab dalam masjid itu.

Esok Dr Mahathir akan melawat tanah perkuburan Baqui dan masjid dua kubah.

Beliau juga dijadual melawat Bukit Uhud, medan peperangan antara umat Islam dan kaum jahiliah semasa zaman Rasullullah.

Dr Mahathir juga akan mengadakan perjumpaan dengan para pelajar di sini esok sebelum ke Jeddah dan Riyadh selepas sembahyang Jumaat di Masjid Al-Nabawi. -- BERNAMA

ZS RON